

Kadar kitar semula naik kepada 31.65 peratus

Berita Harian (18/7/2022) Page 6

Kuala Lumpur: Kadar Kitar Semula Kebangsaan meningkat kepada 31.65 peratus berbanding pencapaian 31.52 peratus pada tahun lalu, sekali gus menjayakan usaha mengurangkan jumlah sampah di tapak pelupusan awam.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ismail Abd Muttalib, berkata peningkatan peratusan itu sekali gus diyakini mencapai sasaran ke arah 40 peratus menjelang 2025.

“Pada tahun sama, kita juga menasarkankan kejayaan kempen sifar sampah haram dan kita yakin sasaran dapat dicapai jika masyarakat dan syarikat bersama memainkan peranan menjayakan kempen kitar semula, membuat pengasingan sampah dan melupuskan di tempat sepatutnya.

“Kita mahu masyarakat tahu pengurusan sisa pepejal bukan tanggungjawab kerajaan atau pihak berkuasa tempatan, tetapi ia memerlukan kerjasama secara menyeluruh,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan pelancaran Karnival Bersamamu anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui agensinya Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) di Taman Tasik Permaisuri di sini, semalam.



Ismail (tengah) bersama Rizalman melawat gerai kitar semula pada Karnival Bersamamu di Taman Tasik Permaisuri, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Yang turut hadir, Pengerusi SWCorp, Datuk Rizalman Mokhtar dan Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp, Ismail Mokhtar.

Karnival yang berjaya menarik kira-kira 10,000 pengunjung melalui program sinonim SWCorp seperti Kempen Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), *Value Food No Waste* serta banyak lagi dalam usahanya merealisasikan 10 Matlamat Bersamamu.

Antara matlamat itu adalah menarik penyertaan 20,000 orang untuk menyertai Sukarelawan

Hero Kebangsaan menjelang tahun depan, 40 peratus kitar semula dicapai menjelang 2025 dan 50 peratus pengurangan sisa makanan menjelang 2030.

Laksana pendekatan C4E

Bersempena itu, SWCorp melaksanakan pendekatan C4E untuk strategi bersamamu iaitu komunikasi (*communitie*), mendidik (*educate*), memberi tanggungjawab (*empower*) dalam usaha mentransformasikan minda masyarakat ke arah negara bersih, in-

dah dan sejahtera.

Dalam pada itu, Ismail berkata, walaupun program berbentuk karnival santai dan suka ria, agensi di bawah SWCorp tetap menerapkan elemen pendidikan supaya masyarakat berupaya memanfaatkan sampah yang boleh mendatangkan hasil.

“Selain itu, kediaman dan perumahan dapat menjayakan matlamat sifar sampah haram dan mengasingkan sisa mengikut jenis supaya dikitar semula serta mendatangkan hasil,” katanya.